# GIATMARA MALAYSIA

# KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM)/CIDB** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**NO. SEBUT HARGA : GM400/INFRA/SH/2023/02**
**TAJUK SEBUT HARGA : CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM AUDIO VISUAL DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN RAZAK, INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA), BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN.**

| TARIKH IKLAN, | TEMPAT TAPAK PROJEK & MAKLUMAT PENJUALAN DOKUMEN & TAKLIMAT PROJEK | SYARAT PENDAFTARAN | HARGA SENASKAH DOKUMEN | TARIKH TUTUP SEBUT HARGA |
|---|---|---|---|---|
| **TARIKH IKLAN :**<br>17 OKTOBER 2023<br>(SELASA) | **TEMPAT TAPAK PROJEK :**<br>DEWAN TUN RAZAK, INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA), BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN<br><br>**TARIKH PENJUALAN DOKUMEN & TAKLIMAT PROJEK :**<br>27 OKTOBER 2023 (JUMAAT)<br><br>**MASA PENJUALAN DOKUMEN & TAKLIMAT PROJEK :**<br>10.00 PAGI<br><br>**TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN & TAKLIMAT PROJEK :**<br>DEWAN TUN RAZAK, INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA), BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN | 1. KATEGORI CIDB YANG DIBENARKAN<br><br>GRED : G2<br>KATEGORI : E<br>PENGKHUSUSAN : E01<br><br>*** KONTRAKTOR DALAM NEGERI SAHAJA** | **RM 50.00**<br><br>* SECARA TUNAI SAHAJA | **TARIKH & MASA TUTUP :**<br>10 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)<br><br>*** SEBELUM ATAU PADA 12.00 TENGAHARI** |

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
   i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh **CIDB.**
   ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh **CIDB.**
   iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh **Pusat Khidmat Kontraktor**

   Satu (1) salinan **SIJIL-SIJIL** di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **GIATMARA** tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi **pada tarikh dan waktu taklimat tapak**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**
4. **Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri lawatan dan taklimat tapak seperti di alamat di atas. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT/PENAMA yang dibenarkan untuk membuat pembelian dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika borang pengesahaan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh GIATMARA semasa membeli sebutharga.**
5. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
6. **GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN,**
**IBU PEJABAT GIATMARA**
**NO. 39 & 41, JALAN MEDAN TUANKU, 50300 KUALA LUMPUR**

8. Dokumen sebut harga hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 10 NOVEMBER 2023.** Dokumen yang dikemukakan selepas dari tarikh dan masa tutup tidak akan diterima.
9. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pegawai berkaitan di talian 06 – 481 5939 / 03 - 2603 1600.